

KENYATAAN AKHBAR

KONSULAT JENDERAL REPUBLIK INDONESIA KOTA KINABALU
LRG KEMAJUAN, KARAMUNSING, P.O. BOX 11595, 88817 KOTA KINABALU
TEL. 088-218600, 218258, 219110 FAX 088-215170

Merujuk kepada berita-berita Pendatang Tanpa Izin (PTI) di Sabah, dimana Indonesia juga sering disebut dan beberapa penanggulangan pemulangan, Konsulat Jenderal Republik Indonesia (KJRI) di Kota Kinabalu dengan ini menyampaikan sokongan padu kepada Kerajaan Negeri Sabah yang menunjukkan usaha penuh untuk mengakhiri perbincangan yang tidak perlu.

Sesungguhnya, PTI Indonesia di Sabah tidak hanya menjadi perhatian oleh Kerajaan Negeri Sabah, namun pada dasarnya ia juga merupakan agenda utama Pemerintah Republik Indonesia. Bagaimanapun, terdapat halangan dan rintangan yang perlu dihadapi bersama yang tidak hanya memerlukan komitmen dan tanggungjawab dari kedua-dua Kerajaan, tetapi juga ketaatan dan kepatuhan yang kuat terhadap ketentuan hukum daripada agensi-agensinya pelaksana, pihak-pihak yang terbabit dalam pengaturan pekerja dan pihak-pihak yang mempekerjakan pekerja Indonesia.

Pengumpulan (Akumulasi) Pendatang Tanpa Izin (PTI)

Telah disebutkan oleh pelbagai media bahawa Sabah mengalami pertumbuhan penduduk yang luar biasa, yang mendorong satu program untuk mengeluarkan 100,000 PTI yang kebanyakannya dari Indonesia. Ia amat menarik untuk membuat angka. Data dari Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sabah menunjukkan bahawa Malaysia mempunyai 3.8 juta hektar ladang kelapa sawit, dan 31% daripadanya atau 1.2 juta hektar dimiliki Sabah. Menjelang akhir 2005, Jabatan Imigresen Sabah menyatakan bahawa pihaknya telah mengeluarkan 131,123 pas kepada Warga Indonesia yang bekerja dalam sektor ini.

Dengan menggunakan nisbah minimum seorang pekerja menjaga 5 hektar yang ternyata agak sukar, maka dalam sektor ini sahaja Sabah memerlukan 240,000 pekerja. Oleh kerana itu, terdapat 108,877 pekerja tidak berdaftar yang dipekerjakan oleh syarikat-syarikat di Sabah yang kebanyakannya dimiliki dan/atau dikelola oleh Kerajaan. Jika diperkirakan 80% daripada mereka adalah Warga Indonesia, maka terdapat sekurang-kurangnya 80,000 pekerja Indonesia yang dipekerjakan tidak didaftarkan oleh majikan atau terpaksa menjadi illegal disebabkan majikan dan sistem yang wujud.

Apakah angka itu diperhatikan dan difahami oleh mana-mana pihak berkenaan? Pastinya, terdapat banyak masyarakat yang mengakui dan menyokong peranan pekerja Indonesia, namun demikian, pendapat mereka yang jelas dan jujur ditenggelami oleh isu-isu yang seakan-akan diputarbelitkan.

7

KONSULAT JENDERAL REPUBLIK INDONESIA
(CONSULATE GENERAL OF THE REPUBLIC OF INDONESIA)
KOTA KINABALU

OPS Tegas

Pihak KJRI menyokong sebarang program Kerajaan untuk mengatur pekerja asing. Bagaimanapun, adalah amat dihargai sekiranya program tersebut dijalankan dengan berhati-hati dengan memperhatikan hak asasi manusia dan undang-undang antarabangsa.

Pemulangan/Deportasi

Sejak bermulanya Ops Tegas pada bulan Mac 2005, terdapat berpuluh-puluh ribu PTI tertangkap, dibawa ke Pusat Tahanan Sementara (PTS), dihadapkan ke mahkamah dan dipulangkan.

Pihak KJRI sentiasa bekerjasama rapat dengan pihak berkuasa terbabit, dan menyampaikan penghargaan atas kerjasama baik mereka. Namun, masih terdapat ruang untuk memperbaiki program tersebut. Seperti yang dikritik dan diketahui ramai, terdapat persoalan tentang penahanan berpanjangan, malah sebahagian kes-kes ada yang lebih lama daripada hukuman penjara yang dijalani, janji-janji kosong untuk mendakwa majikan; dakwaan tidak jelas dan masalah pengurusan di pusat tahanan.

Jika kekurangan-kekurangan ini tidak diperbaiki secepatnya, pertanyaan orang ramai dan malah tuduhan bahawa terdapat kekeliruan dalam sistem akan menemukan alasan-alasan yang kukuh. Orang-orang mencatat bahawa diantara ribuan yang ditahan dan ratusan daripadanya digolongkan sebagai Kes Majikan, akan tetapi TIDAK seorangpun majikan yang disoal siasat, apalagi ditahan dan/atau dihadapkan ke mahkamah. Sudah tentu, sebarang alasan untuk menjelaskan perkara luar biasa ini tidak dapat diterima oleh rakyat Malaysia yang berpelajaran, apalagi oleh para mangsa dan keluarga mereka.

Dalam kes warga Indonesia, pihak-pihak berkuasa berkenaan telah memulangkan PTI tanpa dokumen daripada KJRI. Sudah menjadi amalan selama ini bahawa pihak berkuasa hanya memberitahukan rencana pemulangan pada minit terakhir kepada KJRI, diikuti pemeriksaan balik dan kemudian menghantar tahanan ke sempadan terdekat Indonesia. Dengan itu, isu lambat mengeluarkan dokumen perjalanan bagi tahanan TIDAK timbul.

Sehubungan dengan usaha-usaha Kerajaan untuk memperbaiki rekod hak asasi manusia, KJRI yakin bahawa Kerajaan Sabah tidak akan sesuka hati menggunakan Artikel 34 Akta Imigresen, yang membolehkan tahanan ditahan untuk satu tempoh yang tidak dinyatakan tanpa sebarang tindakan susulan yang hanya akan menjejaskan reputasi Malaysia.

KJRI Kota Kinabalu, sekali lagi menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Negeri Sabah dan pihak berkuasa yang berkenaan yang menunjukkan kesediaan mereka untuk mengatasi masalah-masalah berkaitan tersebut, dan memberi sokongan penuh dalam mengukuhkan kerjasama dua hala antara kedua-dua negara.

Kota Kinabalu, 24 Februari 2006

